

Hujan hingga esok

BH 14/11

Hujan lebat sejak tiga hari lalu sehingga menyebabkan banjir besar kembali melanda Johor, dijangka akan berterusan sehingga esok.

Amaran peringkat merah itu turut diberikan kepada Pahang Selatan dan Timur manakala hujan sederhana lebat yang sedang berlaku di Sabah, terutama di Bahagian Pantai Barat, Pedalaman, Kudat dan Sandakan dijangka berterusan sehingga hari ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam kenyataan di sini, semalam, menyatakan hujan sederhana lebat yang berlaku di Sarawak terutama di Bahagian Kuching, Sri Aman, Samarahan, Betong, Sarikei, Sibul, Mukah dan Limbang juga dijangka sehingga esok.